



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERSEPSI GURU TERHADAP PERANAN  
JAWATANKUASA PENASIHAT DI  
SEKOLAH MENENGAH TEKNIK**

**MOHD IDRUS BIN KADIR**

**FPP 1999 32**

**PERSEPSI GURU TERHADAP PERANAN JAWATANKUASA PENASIHAT  
DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK**

Oleh

**MOHD IDRUS BIN KADIR**

Projek ini dikemukakan untuk memenuhi syarat Ijazah Master Sains  
di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

**Mei 1999**



**PERSEPSI GURU TERHADAP PERANAN JAWATANKUASA PENASIHAT  
DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK**

Oleh

**MOHD IDRUS BIN KADIR**

Projek ini dikemukakan untuk memenuhi syarat Ijazah Master Sains  
di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

**Mei 1999**



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana taufik dan hidayah-Nya penulis berjaya menyiapkan kertas projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Abd Patah b. Abd Malek selaku penyelia yang banyak membantu dan membimbing penulis menyiapkan projek ini.

Tidak lupa juga kepada para penyemak kesahan soal selidik kajian. Mereka adalah terdiri daripada Dr. Zakaria b. Abd. Rahman, Prof. Madya Dr. Hapsah bt. Nawawi dan Dr. Ramlah bt. Hamzah. Penulis juga merakamkan terima kasih kepada Bahagian Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pengurusan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional, Jabatan Pendidikan Teknikal Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya kepada Encik Mohd Noor bin Abd Aziz, Jabatan Pendidikan Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pengetua dan pentadbir Sekolah Menengah Teknik, dan guru-guru yang telah terlibat sebagai responden kajian. Kerjasama mereka telah menjayakan kajian ini.

Kepada rakan-rakan, ahli keluarga khasnya kepada isteri tersayang Julia bt. Abu Sari dan anak manja Nur Fathin Nabilah, penulis merakamkan ucapan jutaan terima kasih kerana semangat, perihatin dan pengorbanan yang telah dicurahkan. Allah jualah yang membalaunya. Insyaallah kertas projek ini bermanfaat kepada bidang pendidikan khususnya pendidikan vokasional di Malaysia.

## DAFTAR KANDUNGAN

### **HALAMAN**

PENGHARGAAN .....	iii
SENARAI JADUAL.....	vi
SENARAI SINGKATAN.....	vii
ABSTRAK.....	viii
ABSTRACT.....	ix
 <b>BAB</b>	
I PENDAHULUAN	
Pengenalan .....	1
Pernyataan masalah.....	4
Objektif kajian .....	6
Kepentingan kajian .....	6
Batasan kajian .....	8
Definisi operasional .....	8
II KAJIAN LEPAS	
Isu-isu pendidikan vokasional.....	11
Peranan jawatankuasa penasihat .....	13
Masalah utama yang mengekang keberkesanan jawatankuasa penasihat.....	17
III METODOLOGI	
Reka bentuk kajian.....	19
Responden kajian.....	20
Alat kajian.....	20
Kesahan.....	22
Kebolehpercayaan.....	22
Pengumpulan data.....	22
Analisis data.....	23
IV DAPATAN KAJIAN	
Profil responden.....	24
Hasil kajian	
Persepsi terhadap peranan utama jawatankuasa penasihat .	27
Perbezaan persepsi dengan jantina .....	31
Perbezaan persepsi dengan kategori tugas .....	31
Perbezaan persepsi dengan peringkat latihan .....	32
Hubungan persepsi dengan umur.....	32
Hubungan persepsi dengan pengalaman mengajar .....	33

Cadangan untuk meningkatkan keberkesanan	
Jawatankuasa penasihat .....	34
Membezakan peranan PIBG dengan	
jawatankuasa penasihat.....	35
V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Perbincangan	
Profil Subjek.....	37
Persepsi Guru Terhadap Peranan	
Jawatankuasa Penasihat.....	38
Perbezaan Persepsi Dengan Latar belakang .....	40
Kesimpulan .....	41
Cadangan.....	42
BIBLIOGRAFI .....	45
LAMPIRAN:	
1 Penyemak Kesahan Soal Selidik .....	48
2 Soal selidik .....	50
3 Surat-Surat Kebenaran .....	56
VITA.....	62

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**PERSEPSI GURU TERHADAP PERANAN JAWATANKUASA PENASIHAT  
DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK**

Oleh

MOHD IDRUS BIN KADIR

MEI 1999

Penyelia : Prof. Madya Dr. Abdul Patah bin Abdul Malek

Objektif kajian adalah untuk meninjau persepsi guru terhadap peranan utama Jawatankuasa Penasihat di sekolah, mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru terhadap peranan Jawatankuasa Penasihat berdasarkan jantina, kategori tugas, peringkat latihan guru di sekolah, mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi dengan umur, persepsi dengan pengalaman berkhidmat guru di sekolah dan meninjau cadangan guru untuk meningkatkan keberkesanan Jawatankuasa Penasihat di sekolah. Responden kajian terdiri daripada 160 orang guru di Sekolah Menengah Teknik di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan taburan kekerapan dan peratusan, ujian t dan ujian korelasi Pearson. Hasil analisis menunjukkan responden bersetuju bahawa peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru berbeza dengan Jawatankuasa Penasihat. Responden juga berpersepsi positif terhadap peranan Jawatankuasa Penasihat. Kajian juga menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan antara persepsi dengan jantina, kategori guru dan peringkat latihan guru. Manakala hubungan persepsi dengan umur dan persepsi dengan pengalaman mengajar adalah lemah. Responden juga mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia dan sektor industri menjalin pemuaafakan baru dan mengutamakan kerjaya serta khidmat bimbingan kepada pelajar Sekolah Menengah Teknik.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the Degree of Master of Science.

**TEACHERS' PERCEPTION TOWARDS THE ADVISORY COMMITTEE  
IN TECHNICAL SCHOOLS**

By

MOHD IDRUS BIN KADIR

MEI 1999

Supervisor : Prof. Madya Dr. Abdul Patah bin Abdul Malek

The objectives of the research were to determine teachers perception towards the main role of the Advisory Committee in schools and to identify whether there were significant differences between a teachers' perception towards the role of the Advisory Committee based on sex, category of responsibilities, and teachers' qualifications. The study also seek to identify whether there was any significant relationship between perception and age, perception and teachers' working experience in school and to investigate proposals to upgrade the effectiveness of the Advisory Committee in schools. The respondents consisted of 160 teachers from Technical Schools in Selangor, and the Federal Territory. Questionnaires were used to obtain data for this research. Data were analysed using frequency, the t test and the Pearson Correlation test. The outcome of the analysis showed that the respondents agreed that the role of the Parent Teacher's Association was different from that of the Advisory Committee. The respondents also had a very positive perception towards the role of the Advisory Committee. The research also indicated that not significant differences in perception did exist relating to sex, category and qualification. Relationship's between perception and age, and teaching experience were weak. The respondents also suggested that industrial sector should be invited to give services and guidance to students in technical schools.

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Sejak 1984, UNESCO menyatakan di mana-mana sahaja orang memperkatakan tentang pendidikan vokasional. Manakala pada tahun 1986, bersesuaian dengan perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet, program pelajaran vokasional juga mengalami perubahan dan pengubahsuaian dari segi struktur dan kurikulumnya agar para pelajar dapat diberi latihan yang lebih sesuai untuk memenuhi keperluan dan permintaan tenaga mahir di Malaysia. Dalam program tersebut pelajar mengikuti program yang lebih menekankan penguasaan kemahiran yang secukupnya dalam bidang-bidang tertentu agar mereka berupaya menjadi pekerja yang cekap dan produktif. Di samping itu perubahan kurikulum tersebut telah membuka peluang yang lebih luas kepada para pelajar yang cenderung dan berkeupayaan dalam bidang akademik untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Untuk tujuan ini, satu proses penasihatatan atau pemantauan perlu diwujudkan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Proses ini boleh dilaksanakan dalam organisasi pendidikan melalui sebuah jawatankuasa. Jawatankuasa ini penting kerana ia merupakan suatu kumpulan pemantau yang bertangggungjawab untuk mengendalikan sesuatu masalah khusus atau bidang-bidang masalah.

Ini petanda yang sihat untuk meningkatkan taraf pendidikan vokasional di negara ini. Wawasan 2020 merupakan rancangan ke arah vokasionalisasi dan penyediaan tenaga manusia yang berketerampilan dititikberatkan. Dalam kurikulum sekolah rendah, pelajar didedahkan kepada mata pelajaran Kemahiran Manipulatif dan unsur perdagangan. Di peringkat menengah rendah pula semua pelajar wajib mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup yang menyediakan asas-asas kemahiran yang luas iaitu manipulatif, keusahawanan, kekeluargaan, pertanian dan ekonomi rumah tangga. Seterusnya di peringkat menengah atas kumpulan mata pelajaran elektif vokasional dan teknologi disediakan merangkumi mata-mata pelajaran yang pelbagai dan skop yang luas. Semua pelajar wajib mendaftar satu mata pelajaran daripada kumpulan elektif vokasional dan teknologi dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Manakala di sekolah teknik dan vokasional, pelbagai kursus teknikal dan vokasional ditawarkan kepada para pelajar yang berminat. Mata pelajaran tersebut juga kini ditawarkan di sekolah umum jika sekolah tersebut mempunyai segala kemudahan dan tenaga pengajar yang berkaitan dengan mata pelajaran yang ditawarkan.

Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Akta Pendidikan Vokasional Carl D. Perkins (1984) telah menyatakan pendidikan vokasional seperti berikut:

*“Program pendidikan vokasional merupakan program pendidikan yang tersusun secara langsung berkaitan dengan penyediaan individu untuk pekerjaan bergaji atau tanpa bergaji dalam bidang-*

*bidang seperti pertanian, kerjaya perniagaan, ekonomi rumah tangga, kerjaya kesihatan, kerjaya pemasaran dan pengangkutan, teknik dan kerjaya yang mula wujud, perindustrian moden dan seni pertanian, dan kerjaya perindustrian dan perdagangan, atau sebagai persediaan tambahan dalam bidang-bidang seumpamanya, dan dalam kerjaya-kerjaya lain yang memerlukan selain ijazah sarjana atau ijazah tinggi dan aktiviti-aktiviti organisasi pelajar vokasional sebagai sebahagian program tersebut... ”.*

Sumber : Phipps dan Osborne (1994), m.s 3

Pendidikan Vokasional menumpukan kepada persediaan kerjaya yang bersifat terminal, seperti menumpukan kepada latihan persediaan untuk bekerja tanpa mementingkan pencapaian akademik yang tinggi. Di Malaysia pelajar pendidikan vokasional menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) / SPM (V).

Justeru itu, proses vokasionalisasi di Malaysia telah mendapat perhatian KPM. Beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan taraf pendidikan vokasional dan teknik. Antaranya ialah usaha memperkenalkan “Sijil Terbuka” pada peringkat SPM mulai tahun 2000. Berdasarkan perkembangan ini, suatu majlis atau jawatankuasa penasihat wajar diwujudkan di sekolah-sekolah negara ini terutamanya di SMV dan SMT. Dengan wujudnya JP, satu proses penasihat atau pemantauan yang berkaitan dengan keperluan dan perkembangan program pendidikan vokasional di negara ini dapat diberi perhatian khusus. Dengan itu perancangan dan pelaksanaan dalam menggunakan sumber tenaga manusia menjelang tahun 2020 dapat dipertingkatkan untuk membolehkan rakyat Malaysia bersaing di peringkat dunia.

Di Amerika Syarikat, pada seksyen 9 Akta Pendidikan Vokasional 1963 telah mewajibkan penubuhan JP tentang pendidikan vokasional. Melalui akta tersebut, sejumlah dana mesti diperuntukkan untuk menjalankan aktiviti JP.

Jika sesebuah JP diwujudkan dalam organisasi pendidikan di Malaysia JP tersebut dapat memainkan peranannya dengan berkesan jika mendapat sokongan penuh daripada semua pihak yang ingin melihat taraf pendidikan vokasional dan teknik di Malaysia setanding dengan negara lain di peringkat antarabangsa.

### **Pernyataan Masalah**

Pendidikan vokasional di Malaysia telah menjurus kepada vokasionalisasi. Vokasionalisasi bermaksud memasukkan kurikulum sekolah yang bersifat mata pelajaran praktikal yang boleh dikaitkan pelajar dengan pengetahuan asas, kemahiran untuk menyediakan mereka menjadi pekerja yang berkemahiran atau memasuki pelbagai bidang pekerjaan normal.

Berbanding dengan negara German, ciri-ciri pendidikan vokasional amat berbeza. Ghazali (1996) telah mengenalpasti ciri-ciri pendidikan vokasional Malaysia seperti berikut:

- Malaysia merupakan sebuah negara yang membangun dan sedang giat dalam proses perindustrian secara pesat.
- Lebih kurang 7% daripada pelajar sekolah menengah menerima latihan vokasional, kebanyakkan daripada mereka ini ialah melalui sekolah vokasional awam.
- Lebih kurang 6 hingga 8% belia di antara 20 hingga 24 tahun adalah pelajar universiti.

- Peluang untuk para pelajar yang berkelayakan vokasional memasuki universiti adalah terhad dan begitu juga bagi pelajar-pelajar universiti memperolehi pengalaman latihan vokasional secara “hands on”.
- Latihan secara “in-house”, walaupun di firma-firma besar adalah kurang lazim.
- Struktur perindustrian adalah bersifat “labour intensif”, operasi berjenis pemasangan [assembly type operations], separuh dan kurang mahir, dan pekerja yang bergaji rendah [lower wage workers].
- Walaupun keperluan latihan semula semakin bertambah, kursus-kursus latihan vokasional yang murah dan secara sambilan masih berkurangan.

Berdasarkan ciri-ciri di atas, jelaslah taraf pendidikan vokasional dan teknik negara ini masih rendah berbanding dengan negara German. Oleh itu penubuhan jawatankuasa penasihat di sekolah teknik dan vokasional adalah penting bagi membolehkannya memainkan peranan yang berkesan untuk meningkatkan taraf pendidikan vokasional dan teknik negara ini. Di samping itu matlamat penubuhan jawatankuasa penasihat sebagai penghubung organisasi sekolah dengan masyarakat persekitaran boleh dicapai melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh jawatankuasa tersebut.

Peranan jawatankuasa penasihat di sekolah sangat luas dan memerlukan kerjasama semua pihak. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi guru di sekolah menengah teknik terhadap peranan jawatankuasa penasihat di sekolah. Di samping itu kajian ini juga ingin meninjau sama ada guru-guru di sekolah teknik menyedari akan wujudnya JP dalam organisasi sekolah.

Kajian juga bertujuan untuk mengenal pasti masalah utama yang mengekang peranan jawatankuasa penasihat.

### **Objektif Kajian**

a. Objektif umum

Tujuan umum kajian ini adalah untuk meninjau persepsi guru terhadap peranan Jawatankuasa Penasihat di sekolah teknik / vokasional.

b. Objektif khusus

Secara khusus objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Meninjau persepsi guru terhadap peranan utama jawatankuasa penasihat di sekolah.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru terhadap peranan jawatankuasa penasihat berdasarkan jantina, kategori tugas, dan peringkat latihan guru di sekolah.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap peranan jawatankuasa penasihat dengan umur, dan pengalaman berkhidmat guru di sekolah.
4. Meninjau cadangan untuk meningkatkan keberkesanan jawatankuasa penasihat di sekolah.
5. Meninjau sama ada guru dapat membezakan peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru dengan jawatankuasa penasihat.

### **Kepentingan Kajian**

Dalam era vokasionalisasi, sumbangan dan kerjasama dari semua pihak adalah penting. Justeru itu, penubuhan jawatankuasa penasihat adalah penting

dalam organisasi sekolah. Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, penubuhan jawatankuasa penasihat menjadi satu kemestian di sekolah-sekolah. Organisasi sekolah dan masyarakat persekitaran boleh mendapat faedah daripada peranan atau perkhidmatan yang diberikan oleh jawatankuasa penasihat.

Untuk membolehkan peranan dan perkhidmatan jawatankuasa penasihat di sekolah diperbaiki dan diubahsuai, penilaian dan kajian perlu dijalankan dari masa kesemasa untuk melihat kemajuan, pencapaian dan masalah yang dihadapi.

Melalui kajian ini, banyak pihak akan mendapat faedah sama ada secara langsung atau tidak. KPM dapat mengenal pasti persepsi guru sama ada positif atau negatif terhadap penubuhan dan peranan jawatankuasa penasihat di sekolah. Dengan itu memudahkan pihak KPM membuat perancangan dan menggubal kurikulum yang melibatkan penyertaan pihak swasta dalam industri pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia.

Sekolah mendapat faedah jika jawatankuasa penasihat berjaya memainkan peranannya dengan berkesan. Selain sekolah mendapat promosi dalam masyarakat, persepsi guru yang mungkin negatif terhadap peranan jawatankuasa penasihat di sekolah dapat diperbetulkan. Kerjasama sekolah dengan masyarakat dapat dieratkan bukan sahaja melalui PIBG sekolah tetapi juga melalui jawatankuasa penasihat.

Kepada ahli politik, isu penubuhan dan peranan jawatankuasa penasihat boleh menjadi agenda utama di bidang pendidikan. Isu ini boleh diperjuangkan dalam Dewan Undangan Negeri maupun di parliment agar status pendidikan teknik dan vokasional negara ini setanding dengan negara luar dan rakyat Malaysia mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Dengan sokongan media massa, isu penubuhan dan peranan jawatankuasa penasihat di sekolah dan intitusi latihan teknik dan vokasional akan menjadi isu nasional dan mendapat perhatian pemimpin kerajaan dan masyarakat. Suatu tindakan yang positif mungkin dapat diambil oleh KPM sebagai respon terhadap isu yang ditimbulkan berkaitan dengan martabat pendidikan vokasional dan teknik di Malaysia.

Sekiranya persepsi guru-guru positif terhadap JP di sekolah, satu tindakan susulan wajar diambil oleh pihak tertentu yang bertanggungjawab untuk meningkatkan martabat pendidikan vokasional dan teknik di Malaysia.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada guru-guru yang mengajar di SMT di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Negeri-negeri tersebut di pilih kerana kedudukannya berada di dalam zon yang paling pesat membangun di Malaysia, di samping bilangan kursus yang ditawarkan adalah banyak dan dapatannya boleh digeneralisasikan untuk negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan sahaja.

### **Definisi Operasional**

Berikut diuraikan istilah berdasarkan kajian yang akan dijalankan:

a. Persepsi

Rohana (1996) menyatakan, persepsi adalah pandangan atau tanggapan sesuatu yang dirasa, dilihat, didengar dan difahami. Persepsi akan menentukan

pendapat individu sama ada setuju atau tidak tentang sesuatu yang dialami. Manakala Kamus Dewan (1989) menyatakan persepsi bererti gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), atau tanggapan.

Roediger (1984), persepsi ialah proses mentafsir maklumat yang disedari melalui organ-organ penerima untuk menghasilkan dan membentuk imej tentang sesuatu perkara. Dalam proses mentafsir itu, Abbas (1991) menyatakan bahawa pengalaman lepas sangat penting bagi membentuk imej positif, negatif atau neutral terhadap perkara berkenaan. Yahya (1982) pula, persepsi perlu untuk menentukan pendapat, penerimaan atau rasa puas hati terhadap apa yang dilihat dan dialami.

Dalam kajian ini, persepsi merujuk kepada tahap persetujuan individu terhadap sesuatu yang dilihat dan dialami kerana sesuatu persepsi selalunya akan melalui proses melihat, merasa dan dimengertikan melalui pengalaman.

#### b. Jawatankuasa Penasihat

Harold dan Heinz (1995) jawatankuasa merupakan satu kumpulan orang yang selaku kumpulan, dipertanggungjawabkan dengan beberapa perkara. Kamus Dewan (1989) jawatankuasa bermaksud sekumpulan beberapa orang yang dilantik atau dipilih untuk melaksanakan atau menguruskan tugas-tugas tertentu atau panitia. Manakala penasihat bermakna orang yang memberi nasihat (tunjukajar dll).

Dalam kajian ini Jawatankuasa Penasihat ialah sekumpulan beberapa orang yang dilantik atau dipilih oleh sekolah teknik berdasarkan panduan yang dikeluarkan oleh KPM. Jawatankuasa ini ditugaskan untuk melaksanakan atau

menguruskan tugas-tugas tertentu serta memberi nasihat kepada organisasi di sekolah tersebut.

c. Peranan

Kamus Dewan (1989) peranan bermaksud bahagian (sandiwara, pekerjaan, tugas) yang dipegang. Dalam kajian ini peranan merujuk kepada pekerjaan atau tugas yang dijalankan oleh jawatankuasa penasihat di sekolah teknik.

## BAB II

### KAJIAN LEPAS

Memandangkan jawatankuasa penasihat (JP) baru ditubuhkan dalam organisasi sekolah khususnya di Sekolah Menengah Teknik (SMT) pada tahun 1997 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), masih tiada kajian yang dijalankan berkaitan dengan persepsi guru terhadap peranan JP di sekolah. Penyelidik berusaha menyorot bacaan dan penulisan yang berkaitan sama ada dari dalam atau luar negara. Sorotan bacaan akan bertumpu kepada perkara-perkara berikut:

1. Isu-isu pendidikan vokasional.
2. Peranan jawatankuasa penasihat.
3. Masalah utama yang mengekang keberkesanan peranan jawatankuasa penasihat.

#### Isu-isu pendidikan vokasional

Mohd Ibrahim (1997) mendapati penyelia dan guru Sains Pertanian menunjukkan persepsi yang kurang positif terhadap pelbagai aspek mata pelajaran Sains Pertanian. Beliau menyimpulkan bahawa mata pelajaran Sains Pertanian masih mempunyai status sungguhpun statusnya agak kurang memberangsangkan.

Song Wee Leng (1997) telah mengenal pasti beberapa isu yang membabitkan hubungan pendidikan vokasional dengan industri yang dititikberatkan oleh pendidik dan masyarakat. Isu-isu tersebut kos pelaksanaan,

kurikulum pendidikan vokasional, ketidakselarasan penyediaan pekerja dengan kehendak industri dan penglibatan sektor industri dalam konteks hubungan industri dengan institusi pendidikan vokasional. Sumbangan yang diberikan oleh pihak industri kepada institusi pendidikan vokasional seperti penyediaan latihan, tabungan latihan pekerja, peruntukan latihan dan penajaan kewangan adalah dialukan.

Fauzi dan Zainal (1997) telah menyarankan penambahan beberapa komponen “sekolah untuk kerja” ke dalam kurikulum pendidikan masa kini. William (1996) menyarankan bahawa budaya “sekolah untuk kerja” mengandungi tiga elemen utama iaitu asas proses pembelajaran-sekolah, kerja-asas pembelajaran dan pengembangan aktiviti.

Program sekolah untuk kerja boleh meningkatkan perkongsian antara ibu bapa/penjaga, guru, pentadbir, kaunselor dan para majikan untuk meningkatkan motivasi pelajar terutamanya untuk berjaya di sekolah dan kerja berdasarkan pembelajaran.

Jamaluddin (1997) mendapati masalah kekurangan calon perguruan teknologi adalah sangat dipengaruhi oleh faktor gaji yang rendah berbanding dengan gaji yang diterima oleh pekerja sektor swasta. Cadangan beliau ialah supaya gaji, ganjaran dan kebajikan guru teknologi dapat diperbaiki dan dipertingkatkan.

Habibah (1995) dalam kajiannya mendapati keseluruhan guru mempunyai persepsi yang positif terhadap pengajaran Kemahiran Hidup dan guru-guru menganggap latihan dan kemahiran adalah penting.

Abd Rahman dan Zakaria (1995) mendapati pendidikan vokasional adalah suatu program yang kandungannya meliputi penyampaian pengetahuan teknikal, pemupukan nilai murni atau pembentukan akhlak dan pemberian latihan kemahiran dalam sesuatu bidang pekerjaan.

UNESCO (1983) - Pendidikan vokasional bertujuan untuk melatih seseorang dalam sesuatu pekerjaan dengan memberikannya kemahiran dan pengetahuan, bersama-sama dengan pendidikan am, menumpukan perkembangan sifat dan watak untuk menambahkan keupayaan bagi memahami, menilai, melahirkan pendapat serta menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah.

#### Peranan Jawatankuasa Penasihat (JP)

Menubuhkan JP adalah cara yang efektif untuk menghubungkan institusi pendidikan dan latihan dengan persekitarannya. Dengan wujudnya JP di sekolah, kehendak masyarakat (persekitaran) boleh dihubungkan dengan lebih dekat.

Secara mudah JP didefinisikan sebagai satu kumpulan sukarela yang memberi nasihat kepada institusi atau organisasi atau kepada sub-unit dalam organisasi tersebut.

Jelasnya, peranan JP ialah memberi nasihat dan sokongan yang berterusan serta meningkatkan komunikasi. Ini boleh meningkatkan sumbangan JP. Jadi keberkesanan JP ditentukan oleh sebanyak mana sokongan atau nasihat yang diperlukan oleh organisasi.

Wall, et al. (1997) mendapati guru di sekolah yang ada majlis (penasihat) telah melaporkan banyak terlibat dengan membuat keputusan berbanding dengan guru di sekolah yang tiada majlis. Ini bermakna, kelebihan mempunyai majlis penasihat di sekolah menjadikan sekolah yang lebih terbuka dan demokratik.

Mereka mendapati persepsi guru dalam melibatkan diri untuk membuat keputusan, lebih positif bagi sekolah yang mempunyai majlis (penasihat) berbanding dengan sekolah yang tidak mempunyai majlis. Mereka mendapati guru perlu dimotivasikan secara kolektif.

Lopez (1996) mengenalpasti peranan JP, *intership* dan *ekstenship*, aktif dalam perniagaan, sebagai jurucakap, berpengetahuan dan berkemahiran, kawalan kualiti dan piawai, pengambilan pelatih/pelajar, pembentuk kurikulum, dermawan, terlibat dengan perniagaan dan mempromosi program.

Padak et al. (1994) dalam kajiannya tentang hubungan kerjasama dalam 3 agensi berkaitan dengan perancangan pendidikan menyimpulkan bahawa:

1. Kerjasama/perkongsian pendidikan mesti menumpukan untuk membantu rakan kongsi untuk memahami projek dan mempelajarinya antara satu sama lain.
2. Isu utama – berhati-hati dalam komunikasi, kekuatan kepimpinan, kepelbagaian dan fokus kepada matlamat projek.
3. Perkongsian mesti mempelajari untuk menyesuaikan diri kepada perubahan.
4. Turut sama berkenaan dengan peranan dalam perkongsian.

Teitel (1994) mentakrifkan jawatankuasa adalah kumpulan sukarela yang bekerjasama dalam jangka panjang untuk memberi nasihat atau sokongan kepada institusi atau satu subunit. Jawatankuasa yang efektif ialah yang boleh menghubungkan institusi dan kolej dengan persekitaran. JP menjadi lebih efektif

jika AJK berpengetahuan, komited dan memberi pengiktirafan, proses jawatankuasa yang bermakna serta ekpektasi tentang jawatankuasa.

Brazier et al. (1994) berpendapat tanggungjawab JP termasuklah:

1. Berpengetahuan tentang polisi sekolah dan lain-lain program sekolah.
2. Mempertimbangkan kurikulum.
3. Mempertimbangkan bantuan atau sumber.
4. Memahami profil sekolah dan masyarakat.
5. Mewakili nilai dan kepercayaan masyarakat.

Ziegler (1993) kumpulan guru penasihat boleh melibatkan diri dalam mengurus guru dan pelajar ke dalam kumpulan kecil. Fungsi guru penasihat adalah mendedahkan pendidikan sosial dan personel pelajar serta meningkatkan motivasi pelajar.

Phipps dan Osborne (1990) menyatakan untuk berjaya dalam menubuhkan kumpulan penasihat, guru hendaklah memiliki keupayaan untuk bekerjasama dengan orang lain serta memerlukan kecekapan dalam mendapat kebenaran untuk menubuhkan kumpulan penasihat, memilih anggota majlis penasihat, melawat bersama anggota majlis, mengambil bahagian dalam perbincangan majlis tempatan dan menggunakan penasihat kumpulan penasihat.

Corley (1988) penubuhan JP melalui perundangan di peringkat kebangsaan dan negeri. Mandat ini membolehkan JP berperanan lebih berkesan dalam tugasnya. Pernyataan ini sesuai dengan pandangan MAHIR (1997) yang mengakui bahawa sistem pendidikan dan latihan vokasional di negara Jerman secara "dual sistem"(DS), tradisi perantisan dan kebudayaan latihan yang sedia terjalin yang berteraskan undang-undang yang komprehensif terutamanya 'Vocational Training

Act' 1969 dan 'Vocational Training Promotion Act 1981' serta jentera pengurusan latihan vokasional yang mantap di samping mempunyai keupayaan yang tinggi dalam menjalankan kajian dan penyelidikan merupakan faktor yang memajukan sistem pendidikan vokasional di negara tersebut.

Cuninggim (1985) mendapati peranan utama JP ialah meningkatkan pengurusan, mengkaji serta menilai misi, program, perkhidmatan, pengambilan personal, mencari dana, meningkatkan hubungan awam dan di antara organisasi.

Zakaria (1980) kewujudan JP amat membantu dalam meningkatkan program vokasional pertanian. Ini kerana JP yang efektif/berkesan boleh bekerjasama dengan guru untuk meningkatkan pendidikan golongan belia. Menurut beliau JP berperanan dalam perkara berikut:

1. Menilai kurikulum, kakitangan dan pelajar.
2. Membantu guru dalam mempertingkatkan keperluan peralatan dan kemudahan.
3. Mempertingkatkan kursus pengajian (pengajaran dan pembelajaran).
4. Membantu komuniti dalam hubungan awam.
5. Membantu penempatan kerja pelajar.
6. Sebagai orang sumber.

Cochran et al. (1975) pula menyenaraikan peranan khusus JP adalah seperti berikut:

1. Merancang dan menganalisis.
2. Memberi nasihat terhadap kandungan kursus.
3. Penempatan pelajar semasa latihan.
4. Menjalin hubungan dengan masyarakat umum.

5. Merancang keperluan peralatan dan kemudahan.
6. Menjalankan program penstafan.
7. Mengenal pasti sumber-sumber masyarakat.

Gordon (1972) menyatakan JP mesti bekerjasama dengan kesatuan sekerja dan ahli politik. Matlamat JP boleh dicapai dengan adanya kerjasama daripada ahli jawatankuasa yang berpengetahuan, berpendidikan serta memberi komitmen yang baik dalam menjalankan tanggungjawab. Oleh sebab itu JP perlu dinamik dan boleh dianggotai oleh golongan profesional dari pelbagai bidang.

King (1968) menyatakan bahawa peranan JP dalam pendidikan vokasional di peringkat sekolah ialah:

1. Membantu guru dalam menempatkan tempat latihan pelajar.
2. Menilai program.
3. Menasihat dan mencadangkan pengemaskinian program.

Masalah utama yang mengekang keberkesanan peranan jawatankuasa penasihat.

Untuk mengukur “keberkesanan” sesuatu program adalah sukar. Namun begitu, Mercer, John W dan Meunier, Greg R. (1991) telah menyenaraikan beberapa petunjuk berkaitan kriteria untuk menentukan keberkesanan peranan jawatankuasa penasihat (JP). Mereka mendapati keberkesanan boleh dilihat daripada aspek berikut:

1. Pengorganisasian JP (tujuan, fungsi, struktur, polisi, melaksana).
2. Membiasakan diri dengan perhubungan yang membina.